

Rakyat Sabah mesti beri kepercayaan kepada BN

Pilih parti — PM

Oleh **BADRUL AZHAR RAHMAN,**
MOHD. NOR SAMAD dan
RUHAIDINI KADIR

KOTA KINABALU 6 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat Sabah supaya menyokong calon-calon Barisan Nasional (BN) tanpa mengambil kira parti yang mereka wakili dalam pilihanraya negeri pada 18 dan 19 Februari ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting sekarang, rakyat Sabah mestilah memberikan kepercayaan mereka kepada BN dan bukannya kerana personaliti dan parti komponen yang calon-calon wakili.

“Jangan tengok muka tetapi tengok lambang dacing (BN). Yang hendak bertanding ialah BN, kalau beri undi itu hanyalah kerana BN,” kata Dr. Mahathir pada majlis perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat anjuran BN

Petagas dan Sembulan di siri, hari ini.

Beliau yang singgah di sini semasa perjalanan pulang dari Manila, Filipina menjelaskan, kalau BN hendak memastikan kemenangan, semua penyokong parti hendaklah menyokong calon-calon BN.

Menurut Perdana Menteri, kalau semua jentera BN bekerja keras, BN akan meraih kejayaan dalam pilihanraya negeri kali ini.

Sebaliknya, kata beliau, UMNO, LDP, AKAR dan Parti Maju Sabah (SAPP) akan kalah jika masing-masing berebut-rebut untuk meletakkan calon di semua 48 kerusi dewan.

Katanya, walaupun terdapat cubaan daripada parti lawan iaitu PBS bagi memecah-belahkan LDP dan SAPP kerana bilangan kerusi yang diperuntukkan tetapi pembahagian yang dibuat se-

■Lihat muka 2

Pilih parti — PM

benar-benar adalah adil.

U.S. - 7 FEB 1990
"Saya kata adil kerana pemimpin-pemimpin SAPP dulu dalam PBS, tetapi kini dalam BN. Kalau masih dalam PBS, mungkin mereka tidak dapat satu kerusi pun," tambah Perdana Menteri.

Beliau berkata, setiap parti komponen BN hendaklah jangan membenarkan mereka dipengaruhi oleh PBS.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat Sabah supaya mengambil serius pilihanraya negeri yang akan diadakan ini.

Menurutnya, kalau kerajaan yang dipilih tidak baik, ia akan memberi kesan yang tidak baik kepada rakyat Sabah sendiri.

"Orang Semenanjung dan Sarawak tidak dapat apa-apa walaupun mereka datang ke sini untuk membantu dalam pilihanraya.

"Untung rugi daripada pilihanraya ini adalah rakyat Sabah sendiri, oleh itu saya minta rakyat melihat pilihanraya ini dengan serius kerana pada masa ini hanya Sabah dan Kelantan yang belum maju," kata beliau.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir juga berkata, PBS menuduh rakyat Malaysia dari Semenanjung hendak menjajah Sabah, sedangkan orang Semenanjung yang hendak ke Sabah masih perlu memakai pasport.

Mengenai royalti minyak, katanya, PBS meminta supaya ia dinaikkan dengan alasan untuk digunakan bagi pembangunan.

"Sarawak dan Terengganu juga mendapat royalti yang sama dengan Sabah iaitu lima peratus tetapi kenapa mereka boleh maju," tanya beliau.

Bercakap tentang kes rasuah Datuk Joseph Pairin Kitingan, Dr. Mahathir berkata, rakyat janganlah mengambil mudah keputusan mahkamah yang mengenakan hukuman yang ringan ke atas Pairin kerana itu tetap merupakan kesalahan jenayah.

Menurutnya, undang-undang di negara ini adalah sama rata dan tidak mengambil kira jawatan yang mereka pegang.

"Malah sekarang raja pun sama, mereka boleh dikenakan hukuman yang sama jika membunuh, cuma di mahkamah yang berlainan," katanya.

Beliau menjelaskan, kalau hukuman yang dikenakan tidak seragam, mereka yang berjawatan tinggi seperti Perdana Menteri, akan bebas melakukan jenayah kerana tidak akan dihukum oleh mahkamah.

Oleh itu, katanya, apa guna rakyat Sabah berkorban untuk Pairin yang hendak menjadi Ketua Menteri walaupun telah didapati bersalah melakukan rasuah.

Dr. Mahathir menyeru masyarakat Kadazan di Sabah supaya memilih pemimpin lain yang lebih baik daripada

kalangan mereka bagi menggantikan Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Perdana Menteri berkata, banyak lagi pemimpin lain yang bermoral tinggi dan boleh memimpin dari membela kaum Kadazan dengan lebih baik.

"Walaupun Pairin dianggap (sebagai seorang) pemimpin Kadazan tetapi dia tidak pegang kepada cakupannya dan menikam kawan dari belakang.

"Pilihlah pemimpin yang benar-benar memperjuangkan nasib kaum Kadazan. Banyak lagi orang Kadazan lain yang bermoral tinggi," katanya.

Katanya, sudah sembilan tahun rakyat Sabah berkorban untuk Pairin tetapi mereka tetap tidak mendapat apa-apa manfaat.

"Orang yang tikam kawan dari belakang juga boleh menikam orang lain," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, perbuatan Pairin tidak menggambarkan sikap sebenar masyarakat Kadazan yang berhemah tinggi dan sentiasa berpegang pada janji.

"Ini bukan sikap orang Kadazan. Orang Kadazan sentiasa berpegang kepada janji," katanya di dewan yang penuh sesak dengan para penyokong Barisan Nasional (BN), terutama dari kawasan Petagas dan Sembulan.

Masyarakat Kadazan/Dusun merangkumi kira-kira 35 peratus daripada keseluruhan penduduk Sabah yang mempunyai kira-kira 40 suku kaum daripada pelbagai agama dan budaya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak memusuhi masyarakat Kadazan, malah mempunyai banyak sahabat daripada kalangan kaum itu.

"Apa salahnya orang Sabah memilih pemimpin lain, yang juga orang Sabah, untuk menjadi Ketua Menteri asalkan pemimpin itu benar-benar ikhlas dan berpegang kepada janji," tambahnya.

Semasa mengimbas kembali peristiwa PBS keluar daripada BN menjelang pilihanraya umum 1990, Perdana Menteri mendakwa Pairin 'menipu' BN apabila beliau (Pairin) meminta menggunakan lambang sendiri (PBS) pada pilihanraya ketika itu.

"(Ketika itu) Dia janji akan terus sokong BN. Kita (BN) percaya kepadanya dan akur kepada permintaannya tanpa sedikit pun perasaan syak wasangka.

"Rupa-rupanya niat dalam hatinya tidak baik. Dia tarik diri selepas penamaan calon supaya BN tidak dapat meletakkan calonnya. Saya percaya orang PBS pun tidak tahu niatnya," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN.

Dr. Mahathir berkata, sesudah itu, Pairin memainkan perasaan rakyat Sabah untuk menunjukkan seolah-olah Kerajaan Pusat bersalah dan tidak bertanggungjawab.